

# Bangsa Malaysia terima reaksi berbeza

BT-7/11/2006  
**K**UALA LUMPUR: Konsep bangsa Malaysia yang mendapat tentangan Umno Johor kerana dikatakan bertentangan dengan Perlembagaan Negara, menerima reaksi berbeza daripada ahli parti politik negara.

Di **GEORGETOWN**, Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Gerakan menjadikan cabaran pertama Wawasan 2020 iaitu mewujudkan satu bangsa Malaysia sebagai perisai untuk mempertahankan sistem meritokrasi yang diamalkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Meritokrasi selari dengan cabaran pertama Wawasan 2020 iaitu mewujudkan satu bangsa iaitu bangsa Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan bersama perayaan Deepavali dan Aidilfitri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) 2006 di Bayan Baru, semalam.

Sehubungan itu, Ketua Menteri Pulau Pinang itu menganggap desakan Badan Perhubungan Umno Johor supaya sistem meritokrasi di IPTA dihentikan, bertentangan dengan Wawasan 2020.

Naib Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata hasrat untuk menjadikan konsep bangsa Malaysia sebagai satu realiti masih terlalu jauh dan masyarakat seharusnya menghayati semangat rakyat Malaysia.

"Malah, parti politik di negara ini masih berasaskan kaum. Umno, MCA dan MIC mewakili kepentingan bangsa masing-masing. Perjuangan membela nasib kaum masing-masing ini adalah teras perkongsian kuasa Barisan Nasional dan tanggungjawab bersama melalui Kabinet.

Chua menegaskan, apa yang lebih penting ialah hakikat tidak ada sesuatu kaum yang sapu bersih kesemuanya dan tidak ada sesuatu kaum dinafikan segala-galanya. Tiap-tiap kaum ada hak dan tanggungjawab bagi menjayakan semangat rakyat Malaysia.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berpendapat, nama sesuatu bangsa, sama ada bangsa Melayu atau bangsa Malaysia tidak akan mengubah identiti bangsa itu.

Bagaimanapun, beliau berkata aspek utama adalah mutu bangsa itu ke arah melahirkan modal insan yang disegani di dalam dan luar negara.

"Meningkatkan kualiti bangsa dalam aspek pengurusan, pembelajaran dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas untuk memastikan sesuatu bangsa itu maju," katanya ketika dihubungi semalam.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan pula berkata, soal mewujudkan bangsa Malaysia harus mengambil kira persoalan sama ada semua kaum di negara ini sanggup mengorbankan adat dan budaya masing-masing yang diamalkan sejak sekian lama.